

13 MAR 1997

Mahathir - MSC

MSC BUKAN UNTUK BERSAING, KATA PM

KOTA TINGGI, 13 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Koridor Raya Multimedia (MSC) bukan bertujuan bersaing dengan sesiapa khususnya Singapura.

"Pembangunan MSC merupakan satu keperluan bagi Malaysia. Kita tak pandang orang lain, kita pandang diri kita sahaja," kata Perdana Menteri pada persidangan berita selepas majlis menandatangani plak peringatan dan pelancaran SebanaHomepage di Sebana Resort di sini.

Ketika seorang pemberita menyebut bahawa Singapura kini nampak bimbang dengan pembangunan MSC, Dr Mahathir secara berseloroh berkata : " Apa nak bimbang. MSC kita semua kolot saja...kecil saja. Kita bukan dalam kategori sama. Kita tidak boleh bersaing dengan mereka (Singapura)."

" Kita sedar bahawa kita daripada segi teknologi terkebelakang... okaylah. Kita buat cara kitalah," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata Singapura berhak untuk mebangunkan MSC mereka sendiri tanpa menghalang orang lain daripada berbuat perkara yang sama.

"Itu dia punya hak (untuk bangunkan MSC mereka) ... itu negeri dia. Jangan halang kita sudah," katanya.

Menurut Dr Mahathir, Singapura merupakan negara yang bebas dan merdeka dan apa yang mereka mahu lakukan adalah soal republik itu.

"Apa yang mereka ingin lakukan, kita tidak campur tangan," kata beliau.

MSC yang dibangunkan di Malaysia meliputi kawasan 15km x 50km. Ia menawarkan persekitaran terbaik dan terkini dalam industri multimedia dan teknologi maklumat.

Dr Mahathir tiba di Johor Baharu pagi tadi untuk lawatan dua hari.--
BERNAMA

MKO ARA MAI